

BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	21 / 09 / 2016	SEKSYEN	Agama
MUKA SURAT	29	RUANGAN	

Ibadah haji adalah perjalanan rohani

Asyrik berasal daripada kalimah Arab 'Syarq' bermaksud bercahaya. Hari tasyrik iaitu pada 11, 12 dan 13 Zulhijah di mana siang harinya bercahaya dengan cahaya matahari dan malamnya akan diterangi cahaya bulan.

Pada tarikh itu akan memberi kemudahan kepada jemaah haji yang bermalam di Mina untuk mendapatkan cahaya pada waktu malam. Hari tasyrik juga membawa erti kepada umat Islam supaya dapat melalui kehidupan dengan cahaya petunjuk dan hidayah dari Allah SWT.

Justeru, sempena umat Islam menunaikan ibadah haji dan memperingati peristiwa penting dalam sejarah Islam, Ustaz Rushdi Ramli Al-Jauhary mengupas topik 'Ibadah Haji Sebagai Perjalanan Rohani' menerusi program Islam Itu Indah di IKIMfm.

Seruan kepada ibadah haji dinyatakan dalam firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadah haji,

nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) Mu dengan berjalan kaki dan dengan meninggalkan berjenis-jenis untu yang kurus yang datarinya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh." (Surah al-Haj, ayat 27)

Seruan yang dinyatakan ini sama seperti seruan solat melalui azan, yang setiap lafadznya membawa erti penting kepada umat Islam supaya mengakui Allah SWT sebagai pencipta dan bersaksi Nabi Muhammad SAW itu adalah pesuruh-Nya.

Perjalanan rohani

Juga seruan melaksanakan ibadah solat dan menuju kejayaan. Orang yang dijemput bagi menuaikan ibadah haji, adalah pilihan daripada Allah SWT dan perkara itu anugerah daripadanya.

Ibadah haji sebagai perjalanan rohani membawa satu mesej sangat luas di mana seruan ibadah itu disahut umat Islam yang berada di seluruh dunia pada hari ini untuk menunaikan

rukun Islam kelima mengikut syaratnya.

Berwukuf di Padang Arafah mempunyai kisah di sebaliknya. Berdasarkan penjelasan dan pendapat ulama, di kawasan Arafah itu mempunyai tiga peristiwa utama yang berlaku pada nabi Allah SWT.

Pertamanya, ketika Nabi Ibrahim bermimpi menyembelih anaknya, Nabi Ismail, Baginda cuba memikir dan mencari jawapan terhadap mimpi itu.

Baginda kemudian keluar dari kota Makkah dan selepas sampai di suatu tanah lapang dan mendapat jawapan mengenai mimpi ini di Arafah.

Peristiwa kedua, nama Arafah diambil apabila Nabi Ibrahim mengetahui cara pelaksanaan untuk mengerjakan haji yang diajar oleh Malaikat Jibril.

Akhir sekali, terdapat pendapat mengatakan kawasan bernama Arafah diambil sempena peristiwa Nabi Adam dan Siti Hawa mengetahui cara untuk bertaubat kepada Allah SWT yang diajarkan oleh Malaikat Jibril serta

bertemu di Jabal Rahmah selepas dikeluarkan dari surga.

Ibadah haji adalah sebuah perjalanan seperti israk dan mikraj, peristiwa perjalanan Rasulullah SAW yang membawa kepada penetapan kewajipan solat. Ibadah haji adalah perjalanan rohani, menyahut panggilan dan dibekalkan kekuatan serta kemudahan oleh Allah SWT.

Jiwa bersih abdi diri
Haji yang mabruh dapat dicapai dengan hati dan jiwa bersih serta mengabdikan diri kepada Allah SWT. Sebelum memulakan perjalanan menunaikan haji, persediaan lengkap perlu dilakukan dengan memperbaikkan amalan baik, bertaubat serta memohon keampunan Allah SWT.

Ibadah haji adalah ibadah yang besar dan kemuncak dalam ajaran Islam, maka ia memerlukan perancangan rapi. Sabda Rasulullah SAW: "Haji mabruh itu tiada balasan yang lain kecuali surga." (Riwayat Abu Hurairah)



Syafiq Salleh
Penyampai & Penerbit
Rancangan IKIMfm

Ibadah haji adalah ibadah yang besar dan kemuncak dalam ajaran Islam. Umat Islam berkemampuan perlu melaksanakan ibadah haji sebagai perjalanan rohani dan menyahut seruan Allah SWT. **Ustaz Rushdi Ramli Al-Jauhary** menerusi IKIMfm mengupas topik Ibadah Haji Sebagai Perjalanan Rohani.